

**Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Dalam Kehidupan Insan:  
Integrasi Konsep Dualiti (Konvensional Dan Islam) Dalam Silibus Kursus Pengantar It**

***Information Technology And Communication (ICT) In Human Life: The integration of the  
concept of duality (conventional and Islamic) in IT introductory courses Syllabus.***

Rosfazila Binti Abd Rahman<sup>1</sup>, Mokmin Bin Basri<sup>2</sup>, Kalthom Binti Husain<sup>3</sup>, Che Wan Shamsul Bahri Bin Che Wan Ahmad<sup>4</sup> & Mohd Shahrul Nizam Bin Mohd Danuri<sup>5</sup>.

**ABSTRAK**

*Kajian ini membandingkan tentang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam kehidupan insan sebagai satu subjek kursus pengantar Teknologi Maklumat (IT) di Institusi Pengajian Tinggi Swasta Islam (IPTSI) Malaysia. Kursus umumnya mencakupi aspek adab pengendalian maklumat, isu-isu yang berkaitan dengan teknologi komputer dan teknologi maklumat. Tujuan kursus ini adalah menanamkan adab dalam kalangan pelajar terhadap pengendalian teknologi maklumat dan teknologi komputer mengikut syariat Islam yang sebenar dan menelusuri perkembangan teknologi maklumat dalam kehidupan Insan yang telah banyak menyumbang kepada kejayaan pembangunan ekonomi, pendidikan dan pembentukan sahsiah ummah. Lebih lanjut, kursus ini menjawab permasalahan yang sering diperkatakan mengikut perspektif Islam dan bersesuaian dengan kedudukan teknologi maklumat dalam kehidupan Insan dan menjelaskan bagaimana kehidupan Insan yang beradab dan berakhlak dapat menghadapi cabaran dalam proses globalisasi, industrialisasi dan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Hasil pembelajaran kursus ini akan dapat memberi pendedahan kepada pelajar tentang asas teknologi maklumat dan komputer serta aplikasi semasa penggunaannya. Objektif kajian ini adalah menghasilkan silibus kursus pengantar IT yang mengintegrasikan konsep dualiti (konvensional dan Islam). Kajian merungkai permasalahan kajian seperti; Apakah Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) bagi silibus kursus pengantar IT; dan apakah wujud dualiti dalam silibus kursus pengantar IT. Metodologi kajian yang digunakan ialah analisis kandungan silibus, hasil pembelajaran (LO), buku rujukan dan juga kajian lepas.*

**Kata kunci:** teknologi maklumat, ICT, , integrasi, Islam dan konvensional.

---

<sup>1</sup>Rosfazila Binti Abd Rahman, Ph.D., Sosiologi Dan Antropologi (UKM), Pensyarah, Pusat Pengajian Teras, KUIS, rosfazila@kuis.edu.my

<sup>2</sup> Mokmin Bin basri, Ph.D in Information Policy, (UKM), Pensyarah, Fakulti Sains & Teknologi Maklumat, KUIS, mokmin@kuis.edu.my

<sup>3</sup> Kalthom Binti Husain, Ph.D in Computer Mediated Communication (University of Brighton, United Kingdom), Prof. Madya, Fakulti Pendidikan, KUIS, kalthom@kuis.edu.my

<sup>4</sup> Che Wan Shamsul Bahri Bin Che Wan Ahmad, M.A., Sarjana Teknologi Maklumat (UKM), Pensyarah, Fakulti Sains & Teknologi Maklumat, KUIS, chewanshamsul@kuis.edu.my

<sup>5</sup> Mohd Shahrul Nizam Bin Mohd Danuri, Ph.D in Information Management (UiTM), Pensyarah, Pusat Pengajian Teras, KUIS, msnizam@kuis.edu.my

### **ABSTRACT**

*This study discusses the information technology and ICT in human life as the subject of an introductory course in Information Technology (IT) in Islamic Private Higher Education Institutions (IPTSI) in Malaysia. Courses generally cover aspects of information handling manners, issues related to computer technology and information technology. In particular, this course is to instill manners among students on the control of information technology and computer technology in accordance with the tenets of Islam and trace the development of information technology in human life that has contributed greatly to the success of economic development, education and character formation ummah. Further, this course answered the problem is often dealt with according to Islamic perspective and in accordance with the position of information technology in human life and explain how civilized human life and morals can face the challenges of globalization, industrialization and rapid economic growth. Learning outcomes of the course will expose students to the basic information and computer technology and applications during its use. The objective of this study is to produce an introductory course syllabus IT integrate the concept of duality (conventional and Islamic). The research dismantling problems such studies; Is Course Learning Outcomes (CLO) for IT introductory course syllabus; and whether duality exists in IT introductory course syllabus. The methodology used was the analysis of the syllabus content, learning outcomes (LO), reference books, as well as previous studies.*

**Keywords:** *information technology, ICT, integration, Islamic and conventional.*

### **Pendahuluan**

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk membandingkan tentang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam kehidupan insan sebagai satu subjek kursus pengantar Teknologi Maklumat (IT) di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTSI) Malaysia. Kajian ini menghuraikan aspek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam kehidupan insan dan integrasi konsep dualiti (konvensional dan Islam) dalam merealisasikan objektif umum kajian iaitu menghasilkan silibus kursus pengantar IT yang mengintegrasikan konsep dualiti (konvensional dan Islam) serta objektif khusus kajian iaitu untuk membuat perbandingan antara silibus kursus pengantar IT di 8 Institusi Pengajian Tinggi Swasta Islam (IPTSI) terpilih. Permasalahan kajian ini adalah merungkai persoalan tentang apakah Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) dan adakah wujud dualiti dalam silibus kursus pengantar IT. Kajian menggunakan analisis kandungan sebagai metodologi. Kajian mendapati bahawa usaha penghasilan silibus kursus pengantar IT sekaligus buku rujukan yang mengintegrasikan konsep dualiti (konvensional dan Islam) adalah sangat perlu dalam memantapkan kursus pengantar IT khususnya yang berteraskan agama Islam.

### **Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Dalam Kehidupan Insan**

Dalam dunia sebenar, perkara di sekeliling manusia termasuk persekitaran, politik, ekonomi dan sains sentiasa berubah melalui pembangunan dan perubahan teknologi. Keadaan ini juga berlaku dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Komputer yang merupakan komponen penting ICT melalui satu revolusi yang ketara. Revolusi tersebut merangkumi aspek

saiz memori, kelajuan, fungsi, perkakasan, perisian dan aspek lain yang menyumbang kepada komputer yang canggih hari ini (Holmes 2005).

Pada masa yang sama, persekitaran dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) berubah apabila dibandingkan semasa kemunculan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) juga bertukar mengikut keperluan pengguna. Pengguna mahukan perisian, perkakasan dan kemahiran komputer yang sepadan dengan keperluan makmal komputer mereka. Pada masa yang sama, fungsi domain Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) juga semakin meningkat apabila beberapa aspek mendapat perhatian. Contoh terbaik ialah keperluan keselamatan untuk sebarang aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) apabila aktiviti seperti penggodaman (*hacking*), *pharming* dan memancing data (*phishing*) meningkat (Holmes 2005).

Teknologi dan alam sekitar untuk membantu manusia. Manusia perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang sesuai untuk menguruskan teknologi dan alam sekitar. Banyak yang telah dianugerahkan oleh Allah s.w.t untuk kepentingan manusia; siang dan malam, gunung dan sungai, angin dan laut, air dari langit dan khazanah yang tertanam serta semua yang terdapat di bumi.

*“Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka mnggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan”.*

(al-Isra : 70)

Kemahiran dan pengetahuan untuk mengendalikan dan menguruskan pengangkutan darat dan laut amat penting untuk kehidupan manusia. Allah s.w. mengurniakan kuasa pergerakan kepada hamba-hambaNya dengan memberikan mereka kereta dan bas untuk perjalanan darat dan kapal di laut. Dia mengambil berat dan menyayangi manusia dengan menyediakan kenderaan untuk kepentingan manusia yang mencari rezeki dari-Nya melalui perdagangan antara satu kawasan dengan yang lain.

Manusia dengan kemahiran dan ilmu yang sesuai perlu menggunakan teknologi untuk taat dan menjadi lebih hampir kepada kepada Allah s.w.t Nabi Nuh as menggunakan bahtera untuk belayar ke tempat yang selamat manakala Nabi Daud as menggunakan teknologi besi. Keduanya mempunyai sebab untuk mendekati diri kepada Allah s.w.t. Kini, manusia perlu menggunakan bahtera moden iaitu internet untuk membawa mereka lebih dekat kepada Allah s.w.t dan mentaati perintah-Nya (Fauzan 2016).

### **Integrasi konsep dualiti (konvensional dan Islam)**

Jika terdapat dua pihak untuk duit syiling, secara kiasan, ia adalah dualiti; Keamanan, cinta dan benci, atas dan bawah, dan hitam dan putih adalah dualiti. Istilah lain untuk dualiti adalah dikotomi. Dualiti mempunyai makna teknikal dalam geometri dan fizik. Dalam geometri, dualiti merujuk kepada bagaimana mata dan pesawat mempunyai peranan yang boleh ditukar ganti dalam geometri projektif. Dalam fizik, dualiti adalah harta jirim dan sinaran elektromagnet untuk difahami terbaik melalui teori gelombang atau teori zarah (<https://www.vocabulary.com/>). Konsep dualiti berasal daripada perkataan Latin iaitu dualitas yang berasal dari dualis yang merujuk kepada dua. Secara literal, konsep dualiti membawa maksud Kualiti atau keadaan

menjadi dua. Ia membawa contoh seperti pembangkang atau perbezaan antara dua konsep atau dua aspek kepada sesuatu; dualisme (oxforddictionaries.com).

Prinsip dualiti (keberpasangan) bekerja untuk segalanya. Ini adalah sebuah hukum Alam yang pasti. Hal inilah yang menjadikan segala sesuatu selalu memiliki dua sisi. Ada depan-belakang, siang-malam, kekuatan-kelemahan dan sebagainya. Allah SWT Berfirman:

*Dan segala sesuatu Kami jadikan berpasang-pasangan supaya kamu mengingat kebesaran Allah (QS Adz Dzaariyaat, 51:49).*

Prinsip dualiti dilihat sebagai sebuah hukum alam, walaubagaimanapun Islam melihat kepada perkara *wasatiyyah* iaitu kesederhanaan, keseimbangan dan keadilan (<http://www.iwm.jpm.my/iwm/>). Allah menjelaskan bahawa umat cemerlang adalah umat pertengahan (ummatan wasatan);

Maksudnya: “Dan demikianlah (sebagai mana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu **umat pilihan lagi adil**, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada manusia (tentang yang benar dan yang salah)...” (al-Baqarah, ayat 143)

Konsep dualiti dalam kajian membawa maksud kualiti / keadaan menjadi dua iaitu kewujudan unsur IT konvensional dan unsur IT Islam.

## **Objektif Kajian**

Umumnya objektif kajian adalah menghasilkan silibus kursus pengantar IT yang mengintegrasikan konsep dualiti (konvensional dan Islam).

Objektif khusus kajian adalah bertujuan untuk membuat perbandingan antara silibus kursus pengantar IT di Institusi Pengajian Tinggi Swasta Islam (IPTSI) terpilih.

## **Permasalahan kajian**

Kajian ingin merungkai isu-isu yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komputer di peringkat nasional dan di peringkat antarabangsa yang menjurus kepada permasalahan yang sering diperkatakan mengikut perspektif Islam dan bersesuaian dengan kedudukan teknologi maklumat dalam kehidupan Insan. Bagaimana keadaan ini berkaitan dengan kehidupan Insan yang beradab dan berakhlak dapat menghadapi cabaran dalam proses globalisasi, industrialisasi dan pertumbuhan ekonomi yang pesat?

Khususnya permasalahan kajian adalah:

1. Apakah Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) bagi silibus kursus pengantar IT
2. Apakah wujud dualiti dalam silibus kursus pengantar IT

## Metodologi kajian

Metodologi kajian yang digunakan ialah analisis kandungan. Analisis kandungan merupakan satu kaedah yang digunakan secara meluas dalam bidang penyelidikan yang meliputi pelbagai bidang (Krippendorff 2013) dan aplikasinya adalah begitu meluas digunakan (Duriau et al. 2007). Dalam kalangan para penyelidik, analisis kandungan ini mempunyai beberapa kelebihan antaranya termasuklah tahap sensitivitinya ke atas kandungan teks sesuatu dokumen atau laporan (Krippendorff 2013). Kebolehgunaannya adalah meliputi pelbagai bidang seperti dasar perniagaan dan strategi, kognisi pengurusan dan organisasi, kaedah penyelidikan, tingkah laku organisasi, sumber manusia, teknologi dan pengurusan inovasi, pengurusan antarabangsa dan juga teori organisasi (Duriau et al. 2007). Kaedah analisis kandungan ini juga diterima secara meluas dalam bidang komunikasi dan sains maklumat, sebagai satu kaedah bagi pengesanan imej media serta kandungan teks (D'Agostino et al. 2011) dan turut diaplikasikan di dalam bidang penyelidikan alam sekitar (M. Altaweel et al. 2012). Analisis kandungan mempunyai beberapa kelebihan khususnya bagi penyelidikan yang berlatarbelakangkan pengurusan yang mana ianya jauh mengatasi batasan-batasan potensinya melalui pelaksanaan kajian yang baik dan berhati-hati (Duriau et al. 2007).

Persampelan Artikel Untuk Analisis Kandungan Untuk tujuan persampelan artikel, kajian ini telah mengadaptasi kaedah yang pernah digunakan oleh Duriau et al. (2007). Di dalam penyelidikan beliau pencarian artikel adalah berpandukan kepada penggunaan dua kata kunci dan melibatkan dua peringkat utama. Bagi penyelidikan ini pula, untuk tujuan meninjau artikel-artikel secara komprehensif terutamanya yang mengandungi tema Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Dalam Kehidupan Insan di dalam silibus kursus, hasil pembelajaran kursus (LO), buku rujukan dan juga kajian lepas. Dua kata kunci utama telah digunakan iaitu Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Dalam Kehidupan Insan dan juga integrasi dualiti yang diperoleh hasil daripada kajian literatur pada peringkat awalan. Peringkat kedua yang berikutnya pula melibatkan semakan terhadap senarai rujukan artikel pada bahagian akhir silibus kursus, yang dirujuk pada peringkat permulaan. Dengan pendekatan sebegini juga penyelidikan-penyelidikan tambahan daripada artikel berkaitan turut dapat dikenalpasti untuk digunakan semasa analisis kandungan. Artikel-artikel yang diperoleh hasil dua peringkat persampelan ini telah menyediakan satu pengkalan data yang komprehensif dan terkini untuk tujuan pelaksanaan analisis kandungan.

## Pelaksanaan Pengumpulan Data

Bagi kajian ini seperti yang telah dilaksanakan semasa persampelan artikel terdahulu, kata kunci telah dikenalpasti berpandukan kajian literatur yang dijalankan pada peringkat awalan. Kata kunci yang bersesuaian telah dikenalpasti untuk digunakan sebagai input atau kod pencarian deduktif bagi proses analisis yang selanjutnya. Hasil kajian literatur awalan mendapati "Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Dalam Kehidupan Insan" serta "integrasi dualiti" telah dikenalpasti sebagai dua kata kunci utama bagi kod pencarian deduktif dan pengumpulan data yang selanjutnya. Analisis kandungan ini dimulakan dengan mengenalpasti:

1. Apakah Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) bagi silibus kursus pengantar IT
2. Apakah wujud dualiti dalam silibus kursus pengantar IT

Merujuk kepada kajian ini, unit perekodan adalah konsep spesifik yang wujud di dalam seksyen yang dianalisa di dalam sumber yang dirujuk, manakala unit konteks pula merupakan isi kandungan yang lebih besar dan luas di dalam sumber bahan yang sama. Topik-topik serta istilah yang saling dan kerap berhubungkait antara satu sama lain diperhatikan di dalam sumber yang dianalisa. Kekekapan penggunaan terma-terma berkaitan juga diperhatikan, dan ianya kemudian dipilih dan diletakkan di dalam kategori yang menerangkan istilah-istilah ini lebih umum. Kaedah sebegini pernah digunapakai dalam penyelidikan sebelum ini oleh Jose & Lee (2007).


### Kawalan Kualiti Data

Bagi memastikan kebolehpercayaan dan kesahan data semasa analisis kandungan dijalankan, pendekatan yang pernah digunakan oleh Jose dan Lee (A. Jose et al. 2007) digunapakai untuk kajian ini. Berdasarkan kaedah yang telah digunakan, salah seorang daripada penyelidik bertindak sebagai *primary coder*, sementara penyelidik lain pula membuat semakan laporan lain secara rawak untuk memastikan kebolehpercayaan data yang diperoleh. Sungguhpun begitu, pelaksanaan kajian ini telah dibantu oleh ahli-ahli penyelidik lain, yang berperanan pula membuat semakan rawak terhadap data-data yang dianalisa.

### Populasi dan Sampel Kajian

*Populasi kajian:* Institusi Pengajian Tinggi Swasta Islam (IPTSI) (8)

*Sampel kajian :* Institusi Pengajian Tinggi Swasta Islam (IPTSI) (8)



Rajah 1: Analisis kandungan

### Dapatan kajian

1. Apakah Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) bagi silibus kursus pengantar IT
2. Apakah wujud dualiti dalam silibus kursus pengantar IT

#### Apakah Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) bagi silibus kursus pengantar IT

Bil.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)
1	<p>(IPTSI) 1</p> <p><i>At the end of this course, the students should be able to:</i></p> <p><b>HPK 1</b> <i>List the basic concept and terminology for computer literacy.</i></p> <p><b>HPK 2</b> <i>Describes computer components.</i></p> <p><b>HPK 3</b> <i>Apply basic computer skills in solving problem and general task.</i></p>
2	<p>(IPTSI) 2</p> <p>TMX2012</p> <p>Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerangkan pengetahuan teknikal, teori dan amalan dalam persekitaran</li> </ul>

		<p>pengkomputeran mereka. [C2]</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyatakan kemahiran yang mereka belajar dalam persekitaran pengkomputeran mereka untuk menjadi pekerja berpengetahuan. [P2]</li> <li>• Menyumbangkan dan membentangkan senarai kemahiran yang diperlukan untuk menjadi pekerja berpengetahuan. [A2]</li> <li>• Bekerja dalam satu kumpulan dalam menunjukkan aplikasi komputer untuk menjadi pekerja berpengetahuan. [CS458, TS, LL3]</li> </ul>
3	<b>(IPTSI) 3 TMX1010</b>	<p>Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengaplikasikan asas pengetahuan teknologi maklumat. [C3, LL]</li> <li>• Menerangkan perkakasan biasa dan pakej perisian dalam menyediakan laporan kursus dan persembahan mereka. [P2, CS456, TS]</li> <li>• Membincangkan beberapa maklumat terkini Teknologi Maklumat. [A2, CS456, LL]</li> <li>• Bekerja dalam kumpulan dalam menunjukkan aplikasi persembahan multimedia. [C3, CS456, CT, TS]</li> </ul>
4	<b>(IPTSI) 4 TMX1022</b>	<p>Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerangkan pengiraan konsep utama, idea-idea dan teori-teori yang berkaitan dengan persekitaran pembelajaran masing-masing. [C2]</li> <li>• Membincangkan nilai-nilai, kepentingan dan pembangunan aplikasi ICT dalam bidang pengajian masing-masing. [A3]</li> <li>• Bekerja dalam kumpulan untuk menunjukkan penggunaan dan aplikasi ICT. [C3, CS, TS, LL]</li> </ul>
5	<b>(IPTSI) 5 SSK 3000</b>	<p>Pelajar dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggunakan teknologi komputer untuk mengurus maklumat(C3)</li> <li>• Membangunkan aplikasi menggunakan pakej aplikasi semasa dalam menyelesaikan masalah (P4, A3)</li> <li>• Kebolehan mencari dan menguruskan maklumat serta mengembangkan minda ingin tahu. (LL)</li> </ul>
6	<b>(IPTSI) 6 EPPD1063</b>	<p>Di akhir kursus, pelajar mampu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memahami konsep asas komputer dan penggunaan dalam pekerjaan dan perniagaan;</li> <li>• Menggunakan pelbagai perisian komputer dalam urusan harian;</li> <li>• Mempelajari kaedah membangunkan laman web/blog untuk tujuan perniagaan.</li> </ul>
7	<b>(IPTSI) 7 TKF 1233</b>	Tidak dinyatakan dengan jelas
8	<b>(IPTSI) 8 NBWU1072</b>	<p>Setelah mengikuti kursus ini, pelajar berupaya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memupuk nilai, sikap dan profesionalisme.</li> <li>• Membina asas keupayaan untuk kemahiran saintifik dan penyelesaian masalah.</li> <li>• Membina keupayaan untuk kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat.</li> </ul>

Apakah wujud dualiti dalam silibus kursus pengantar IT

(IPTSI)/ ITEM	Item1	Item2	Item3	Item4	Item5
	Kemahiran yang boleh dipindahkan	Strategi P&P dan Penilaian	Tajuk Kursus dengan SLT mengikut tajuk	Rujukan Utama	Rujukan Tambahan
(IPTSI)1	Fundamentals of computer literacy be a requirement for role of computers in communication and in everyday life - related modules in the programme. Skill is developed through personal assingment, tutorial exercises and assessed summative concept via quizzes and examinations.	1.Critical Thinking & Problem Solving Skills: Assignment/Tutorial 2. Lifelong Learning: Assignment/Tutorial/Quiz/ Test/Examination	1. Basic Introduction to Computer 2. Fundamentals of the World Wide Web and Internet 3. System Unit Components. 4. Input and Output Devices. 5. Types of Storage 6. Software for System 7. Utility Programs and Operating System 8. Manage Computing Securely, Safely, and Ethically 9. Tutorial  Internet Services  Manage Computing Securely, Safely, and Ethically  Competency in Application Software:  Peripheral	1.G.B Shelly, M.E. Vermaat, J.J. Quasney, S.L. Sebok, S.M. Freund <i>Discovering Computers Fundamentals: Your Interactive Guide to the Digital World</i> , Cengage Learning, Inc., 2014.  2.G.B Shelly, M.E. Vermaat, J.J. Quasney, S.L. Sebok, S.M. Freund <i>Discovering Computers Complete: Your Interactive Guide to the Digital World</i> , Cengage Learning, Inc., 2014.	1.J.J. Parsons, Dan Oja, <i>New Perspectives on Computer Concepts 2012, Comprehensive, International Edition</i> , Cengage Learning, Inc., 2012.  2.G.B Shelly, M.E. Vermaat, <i>Discovering Computers 2010: Complete</i> , Thomson, 2010
(IPTSI)2 SSK 3000	Kursus ini memperkenalkan teknologi maklumat dan penggunaannya dalam pengurusan maklumat. Topik termasuk teknologi perkakasan dan perisian komputer, serta internet dan pembangunan laman web. Isu-isu semasa berkaitan pengkomputeran turut dibincangkan.	Kuliah, Amali (Praktikal), Kerja Kursus, dan Peperiksaan Akhir	1. Pengenalan Komputer 2. Perkakasan Komputer 3. Perisian Sistem 4. Perisian Aplikasi 5. Komunikasi dan Internet 6. Pembangunan laman web 7. Isu-isu Pengkomputeran	1. Shelly, G. B., Cashman, T. J. and Vermaat, M. E. 2011. <i>Discovering Computers 2011: Living In Digital World</i> . Boston:Course Technology, Cengage Learning.  2. Alan E., Kendall M., Mary Anne, P., 2011. <i>Technology in</i>	Tiada



				<p><i>Action. 7<sup>th</sup> Edition.</i> Upper Saddle River: Pearson Prentice Hall</p> <p>3. Shelly, G. B. and D. M. Woods. 2011. <i>HTML, XHTML, and CSS: Introductory, 6<sup>th</sup> Edition.</i> Boston: Course Technology, Cengage Learning.</p> <p>4. Robbins, J. N. 2007. <i>Learning web design: A Beginner's Guide to (X)HTML, Style Sheets and Web Graphics, 3<sup>rd</sup> Edition.</i> Sebastopol: O'Reilly Media Inc.</p>	
<b>(IPTSI) 3 TMX20 12</b>	Kursus akan membincangkan kepentingan IT sebagai alatan dan mengapa pekerja ilmuian penting dalam era maklumat. Topik menarik dan relevan, seperti Rangkaian Internet, Internet, multimedia, pangkalan data, pemprosesan imej, e-dagang, pengurusan maklumat peribadi akan diajar. Isu-isu penting lain seperti etika, keselamatan rangkaian, dan virus komputer juga dibincangkan. Kursus ini bertujuan untuk membangunkan kemahiran dan pemahaman tentang kepentingan teknologi dan bagaimana menggunakan teknologi untuk menjadi pekerja ilmuian	Kuliah, Makmal / Praktikal, Pembelajaran Pelajar Berpusat, Penilaian berterusan, Peperiksaan / Penilaian	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Overview of Information and Communication Technology (ICT)</li> <li>2. LANS &amp; WANS (Communication &amp; Networks)</li> <li>3. Web Development and Web 2.0</li> <li>4. Information Systems Analysis &amp; Design</li> <li>5. Databases</li> <li>6. Project Management</li> <li>7. Privacy and Computer Security</li> <li>8. The Computer Industry (History, Careers and Ethics)</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Coyle, D. M. (2009). <i>Computers are your future</i>, 10th edition. New Jersey: Pearson Prentice Hall</li> <li>2. Shelly, G.B., Cashman, T.J., &amp; Vermaat, M.E. (2010). <i>Discovering Computers 2010: Living in a Digital World, Fundamentals</i>, 6th edition. USA: Course Technology Press.</li> <li>3. Parsons, J., and Oja, D., (2012). <i>New Perspectives on Computer Concepts 2012</i>, Comprehensive, International Edition: Course Technology.</li> </ol>	Tiada
<b>(IPTSI) 4 TMX</b>	Kursus pengenalan ini merangkumi pemahaman melalui pembelajaran secara praktikal tentang bagaimana teknologi maklumat boleh	Kuliah, Makmal / Praktikal, Pembelajaran Pelajar Berpusat, Penilaian berterusan, Peperiksaan /	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Computer &amp; Digital Basics</li> <li>2. Computer Hardware</li> <li>3. Computer Software</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Parsons, J., Oja, D. (2012). <i>New Perspectives in Computer Concepts 2012</i>, Comprehensive. International</li> </ol>	Tiada

<p><b>1010</b></p>	<p>meningkatkan produktiviti. Pelbagai penggunaan pakej perisian digunakan semasa kerja praktikal di antaranya ialah persediaan dokumentasi, lembaran kerja, pangkalan data, grafik, mel elektronik dan perisian groupware. Pelajar juga didedahkan dengan penggunaan perkakasan asas komputer.</p>	<p>Penilaian</p>	<p>4. Operating Systems and File Management 5. The Internet 6. The Web &amp; Email 7. Digital Media 8. Databases 9. Computer Programming 10. Convergence Technology</p>	<p>Edition: Course Technology.  2. Shelly, G.B., Cashman, T.J., &amp; Vermaat, M.E. (2010). Discovering Computers 2010: Living in a Digital World - Fundamentals. 6th edition. USA: Course Technology Press.  3. Coyle, D. M. (2008). Computers are your future, 10th edition. New Jersey: Pearson Prentice Hall.  4. Norton, Peter. (2001). Peter Norton's Introduction to Computers, 4th edition. USA: Glencoe McGraw-Hill.</p>	
<p><b>(IPTSI) 5 TMX10 22</b></p>	<p>Kursus ini direka untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran asas dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Topik yang akan dibincangkan termasuk sistem komputer, komunikasi dan rangkaian, Internet dan WWW, sistem maklumat, privasi, keselamatan, dan isu-isu etika, pemikiran pengkomputeran dan teknologi sumber terbuka. Selain itu, pelajar juga akan mempelajari teknologi ICT dalam bidang pengajian mereka. Kursus ini bertujuan untuk melahirkan pelajar yang cekap dan bersedia untuk melaksanakan tugas-tugas pengkomputeran untuk tujuan pembelajaran mereka.</p>	<p>Kuliah, Makmal / Praktikal, Pembelajaran Pelajar Berpusat, Penilaian berterusan, Peperiksaan / Penilaian</p>	<p>1. Overview of Computers and ICT 2. Computer Systems 3. Communications &amp; Networks 4. The Internet and the World Wide Web 5. Information Systems 6. Computational Thinking 7. Open Source Technology  8. Computer Security, Privacy and Ethics 9. ICT Knowledge in Various Domains [Applied &amp; Creative Arts (FACA) / Cognitive Sciences &amp; Human Development (FCSHD) / Medicine &amp; Health Sciences (FMHS) / Resource Science &amp; Technology (FRST) / Social Sciences (FSS) / Economics &amp; Business (FEB) / Engineering (FENG) / Computer</p>	<p>1. Vermaat, E.M., Sebok, L.S., &amp; Freund, S.M. (2014). Discovering Computers: Technology in a World of Computers, Mobile Devices and the Internet. Singapore: CENGAGE Learning.  2. Shelly, G., Vermaat, M., Quasney, J., Sebok, S., &amp; Freund, S. (2012). Discovering Computers, Complete: Your Interactive Guide to the Digital World, International Edition. USA: CENGAGE Learning.  3. Parsons, J. &amp; Oja, D. (2013). Computer Concepts 2013. Comprehensive, International Edition. USA: CENGAGE Learning.  4. Coyle, D.M. (2012). Computers are your future, 10th Edition. New Jersey: Pearson Prentice Hall</p>	<p>Tiada</p>


			Science & Information Technology (FCSIT) / Linguistics (CLS)]		
<b>(IPTSI) 6</b>	Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang konsep asas sistem maklumat dan penggunaan praktikal aplikasi komputer terkini dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Kursus ini memperkenalkan konsep teknologi maklumat seperti perkakasan, perisian, sistem pengoperasian, konsep pangkalan data, rangkaian, internet dan telekomunikasi. Elemen utama kursus ini merangkumi lima aplikasi komputer yang asas bagi kegunaan dalam pengurusan dan perniagaan iaitu aplikasi Microsoft Office yang terdiri daripada Word, Excel, PowerPoint, dan Access. Kursus ini juga meliputi konsep multimedia/hipermedia, asas bahasa pemrograman (HTML) serta pembangunan blog menggunakan platform blogspot (www.blogspot.com). Pelajar juga didedahkan dengan perisian berasaskan Web 2.0 dan kemahiran untuk mengintegrasikan kepelbagaian aplikasi yang dipelajari dalam sistem i-Folio.	Kuliah, Tutorial, Latihan, Ujian Makmal, Tugas, Persembahan dalam Kumpulan, Pembelajaran Sendiri, Peperiksaan Akhir	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengenalan kepada Teknologi Maklumat dan Komputer masa kini</li> <li>2. Pemprosesan Perkataan dan Penerbitan Intermediate –Fungsi- fungsi untuk penulisan laporan dan thesis</li> <li>3. Pemprosesan Perkataan dan Penerbitan Intermediate –Fungsi- fungsi untuk penerbitan menggunakan templet serta integrasi data.</li> <li>4. Hampan Elektronik dan Formulas I</li> <li>5. Hampan Elektronik dan Formulas II – integrasi word dan excel</li> <li>6. Konsep – Internet , Jaringan dan Rangkaian Google Apps dan Blog</li> <li>7. Alatan Persembahan yang Terkini (Advanced Infographics)</li> <li>8. Pembangunan Web dan Apps menggunakan HTML integrasi Google Apps &amp; Web 2.0</li> <li>9. Pangkalan Data dan Microsoft Access I</li> <li>10. Microsoft Access II</li> <li>11. Isu Keselamatan dan Etika Dalam Sistem Maklumat</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Vermaat, Sebok, Freund, Champbell &amp; Frydenberg (2016). Discovering Computers ©2016 (Shelly Cashman) International Edition, Course Technology, Cengage Learning, USA.</li> <li>2. Vermaat (2016). Microsoft Office 2013: Introductory (Shelly Cashman Series), International Edition, Course Technology, Cengage Learning, USA.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Vermaat, M.E., Sebok, S.L. and Freund, S. M.(2014) .Discovering ComputersTechnology in a World of Computers, Mobile Devices and the Internet, Cengage Technology Edition, USA.</li> <li>2. O’Leary, T.J., and O’Leary, L.I. 2015. Computing Essentials. McGraw Hill, International Edition</li> <li>3. Dean, Damon and Cowitt Andy. 2003. Macromedia Studio MX. Wiley Publishing, New York</li> <li>4. Norazila Mat, Noor Azuan Hashim and Rosmah Mat Isa. 2004.AplikasiKomputer. Prentice Hall: Petaling Jaya.</li> </ol>
<b>(IPTSI) 7 TKF 1233</b>	Kursus ini menekankan aspek asas di dalam Teknologi Maklumat	Kursus ini dijalankan secara kelas kuliah dan praktikal iaitu secara latihan di dalam makmal	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Introduction to computers</li> <li>2. The Internet &amp; The World Wide Web</li> <li>3. Application Software</li> <li>4. The Components of The System Unit</li> </ol>	Shelly, G., Vermaat, M., Quasney, J., Sebok, S. and Freund, S. (2011). Discovering Computers: Fundamentals. Shelly Cashman Series	Tiada

			<p>5. Input 6. Output 7. Storage 8. Operationg System and Utility Programs 9. Communication and Networks 10. Database Management 11. Computer Security, Safety, Ethics and Privacy 12. Information System Development 13. Computer Careers and Certification</p>		
<p><b>(IPTSI)</b> <b>8</b> <b>KUIS</b></p>	<p>Kursus ini membincangkan adab pengendalian maklumat, isu-isu yang berkaitan dengan teknologi komputer dan teknologi maklumat. Penggunaan komputer peribadi dengan memberi pendedahan kepada perkakasan dan perisian komputer. Membincangkan mengenai internet, telekomunikasi serta pencarian maklumat melalui web. Membentuk pelajar yang beradab dalam pengendalian dan pengurusan maklumat untuk memupuk penguasaan kemahiran insaniah menerusi teknologi maklumat.</p>	<p>Kuliah, Amali (Praktikal), Kerja Kursus, dan Peperiksaan Akhir</p>	<p>Bab 1: Islam dalam Era Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Bab 2: Sejarah Perkembangan Ilmu Pengetahuan dan Masyarakat Bab 3: Masyarakat Malaysia dan ICT Bab 4: Teknologi Komputer: Hardware, Software dan Heartware Bab 5: Komponen Dalam Sistem Unit (CPU), Sistem Pengoperasian (OS), Perisian Aplikasi dan Program Utiliti Bab 6: Rangkaian Telekomunikasi Bab 7: Internet Bab 8: Pengurusan Sumber Data Bab 9: Sistem Maklumat Bab 10: Risiko Keselamatan Komputer dan Maklumat</p>	<p>1. Mohamad Fauzan Noordin (2016), ICT dan Islam, PTS Akademia &amp; IIUM Press.  2. Misty E. Vermaat, Susan L. Sebok, Steven M. Freund, Jennifer T. Campbell and Mark Frydenberg (2015), Dicovering Computers 2016, Cengage Learning.</p>	<p>1. Timothy J. O'Leary, Linda I. O'Leary and Daniel A. O'Leary (2015), Computing Essentials 2015, McGraw-Hill International.  2. Zawiyah M. Yusof, Nazura Abdul Manap, Masnizah Mohd, Mohamad izar Abd Rahman &amp; Sazali Sukardi (2016), Teknologi Maklumat dan Alam Siber, Pearson.  3. William H. Davidow (2012), Overconnected: The Promise and Threat of the Internet, Headline Publishing Group, UK.</p>

## Analisis kajian

Analisis terhadap Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) bagi silibus kursus pengantar IT dari 8 Institusi Pengajian Tinggi Swasta Islam (IPTSI) mendapati bahawa HPK memberi fokus kepada dua kategori umum. Kategori umum pertama mencakupi aspek konsep utama, idea dan teori, pengetahuan serta aplikasi asas perkomputeran seperti berikut; konsep asas dan terminalogi, asas pengetahuan teknologi maklumat, menghuraikan komponen komputer, menerangkan perkakasan biasa dan pakej perisian, aplikasi persembahan multimedia, aplikasi kemahiran asas komputer, pengetahuan teknikal, teori dan amalan perkomputeran, maklumat terkini teknologi maklumat, menggunakan teknologi komputer untuk mengurus maklumat.

Kategori umum kedua pula mencakupi aspek nilai, kemahiran dan potensi diri serta masyarakat serta persekitaran iaitu; mengurus maklumat, bekerja dalam satu kumpulan, menggunakan pakej aplikasi dalam menyelesaikan masalah, mengurus maklumat dan mengembangkan minda ingin tahu mengguna perisian komputer dalam pekerjaan, menjadi pekerja berpengetahuan, perniagaan dan urusan harian, membangunkan laman web/blog untuk perniagaan, memupuk nilai, membincangkan nilai-nilai, kepentingan dan pembangunan aplikasi ICT dalam bidang, sikap dan profesionalisme, membina asas keupayaan untuk kemahiran saintifik dan penyelesaian masalah dan membina keupayaan untuk kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat.



Rajah 2: Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) bagi silibus kursus pengantar IT

Analisis terhadap permasalahan apakah wujud dualiti dalam silibus kursus pengantar IT dijalankan berdasarkan lima item penilaian utama iaitu kemahiran yang boleh dipindahkan, strategi P&P dan penilaian, tajuk kursus dengan (*Student learning time*) SLT mengikut tajuk, rujukan utama dan rujukan tambahan. Pada item penilaian pertama iaitu kemahiran yang boleh dipindahkan, lima daripada lapan silibus kursus pengantar IT menyatakan aspek Islam umum seperti membincangkan isu-isu semasa berkaitan Perkomputeran Institusi Pengajian Tinggi Swasta Islam (IPTSI)2 ; membincangkan kepentingan IT sebagai alasan dan kepentingan pekerja ilmuwan, pengurusan maklumat peribadi, isu etika dan keselamatan serta aspek kemahiran dan pemahaman (IPTSI)3 ; aspek praktikal dan produktiviti (IPTSI)4; aspek privasi, keselamatan dan etika (IPTSI)5 dan; membentuk pelajar beradab (IPTSI)8.

Pada item penilaian kedua iaitu strategi P&P dan penilaian, hanya tiga daripada lapan silibus kursus pengantar IT menyatakan aspek Islam umum seperti; pemikiran kritikal dan kemahiran penyelesaian masalah serta pembelajaran sepanjang hayat (IPTSI)1; pembelajaran berpusat dan penilaian berterusan (IPTSI)SI)4 dan ; pembelajaran sendiri (IPTSI)6.

Pada item penilaian ketiga pula iaitu tajuk kursus dengan SLT mengikut tajuk, terdapat lima daripada lapan silibus kursus pengantar IT menyatakan aspek Islam umum pada tajuk kursus seperti ; mengurus hal keselamatan dan etika (IPTSI)1; isu pengkomputeran

(INSTITUSI (IPTSI)2; isu keselamatan dan etika dalam sistem maklumat (IPTSI)6; keselamatan komputer, etika dan privasi (IPTSI)7 dan; Islam dalam era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), masyarakat Malaysia dan ICT, pengurusan sumber data dan risiko keselamatan komputer dan maklumat.

Pada item penilaian keempat iaitu rujukan utama, hanya satu daripada lapan silibus kursus pengantar IT menyenaraikan buku rujukan Islami sebagai rujukan utama iaitu; Mohamad Fauzan Noordin.2016. ICT dan Islam, PTS Akademia & IIUM Press (IPTSI)8.

Pada item penilaian terakhir pula iaitu rujukan tambahan, hanya dua daripada lapan silibus kursus pengantar IT menyenaraikan buku rujukan tempatan sebagai rujukan tambahan iaitu; Norazila Mat, Noor Azuan Hashim dan Rosmah Mat Isa.2004. Aplikasi Komputer. Prentice Hall: Petaling Jaya (IPTSI)6 dan; Zawiyah M.Yusof, Nazura Abdul Manap, Masnizah Mohd, Mohamad Rizal Abd Rahman & Sazali Sukardi.2016. Teknologi Maklumat dan Alam Siber, Pearson.

### **Kesimpulan dan penutup**

Memandangkan kajian yang dijalankan bermatlamat untuk menghasilkan silibus kursus pengantar IT yang mengintegrasikan konsep dualiti (konvensional dan Islam), maka pemilihan rekabentuk kajian dan metodologi pelaksanaan yang sesuai dan tepat merupakan perkara yang amat penting bagi memastikan objektif yang disasarkan tercapai. Dengan pelaksanaan kajian literatur sebagai platform permulaan, dan diikuti oleh analisis kandungan pada peringkat selanjutnya, pemilihan metodologi pelaksanaan kajian ini berkeupayaan untuk mengenalpasti wajaran-wajaran kriteria seperti yang disasarkan oleh kajian. Pelaksanaan kawalan kualiti data juga tidak kurang pentingnya bagi memastikan kebolehpercayaan dan kesahan data-data mentah yang dikumpulkan. Analisis terhadap permasalahan kajian iaitu Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) bagi silibus kursus pengantar IT dari 8 Institusi Pengajian Tinggi Swasta Islam (IPTSI) mendapati bahawa HPK memberi fokus kepada dua kategori umum. Kategori umum pertama mencakupi aspek konsep utama, idea dan teori, pengetahuan serta aplikasi asas perkomputeran manakala kategori umum kedua pula mencakupi aspek nilai, kemahiran dan potensi diri serta masyarakat serta persekitaran. Analisis terhadap permasalahan apakah wujud dualiti dalam silibus kursus pengantar IT dijalankan berdasarkan lima item penilaian utama mendapati bahawa wujud dualiti dalam silibus kursus pengantar IT dengan keadaan nisbah dualiti yang tidak seimbang ( $5/8$ ,  $3/8$ ,  $5/8$ ,  $1/8$  dan  $2/8$ ). Elemen konvensional mengatasi elemen Islam pada semua item penilaian. Elemen Islam wujud secara umum pada item kemahiran yang dipindahkan dan pada item tajuk kursus dengan SLT mengikut tajuk. Manakala hanya sedikit elemen Islam wujud pada item strategi P&P dan penilaian serta pada senarai rujukan tambahan kursus. Hanya satu rujukan utama Islami yang disenaraikan sebagai rujukan utama daripada 8 silibus kursus pengantar IT di IPTSI yang dinilai. Justeru, kajian menegaskan bahawa usaha untuk menghasilkan silibus kursus pengantar IT sekaligus buku rujukan utama yang mengintegrasikan konsep dualiti (konvensional dan Islam) adalah sangat perlu. Penghasilan buku teks ini amat dialu-alukan bagi memantapkan penghasilan buku yang selaras dengan subjek yang berasaskan teknologi maklumat dalam kehidupan insan yang berteraskan agama Islam.

## Bibliografi

- A. Jose, S.M. Lee. 2007. Environmental reporting of global corporations: A content analysis based on website disclosures, *Journal of Business Ethics* 72(4) 307–321.
- A.L. D’Agostino, B.K. Sovacool, K. Trott, C.R. Ramos, S. Saleem, Y. Ong. 2011. *What’s the state of energy studies research?: A content analysis of three leading journals from 1999 to 2008*, *Energy* 36(1) 508–519.
- A.R. Smith, J.M. Colombi, J.R. Wirthlin. 2013. *Rapid development: a content analysis comparison of literature and purposive sampling of rapid reaction projects*, *Procedia Computer Science* 16 475–482.
- David Chalmers. 1997. *The Conscious Mind*. New York: Oxford University Press.
- David Holmes. 2005. *Communication theory: media, technology and society*. London: Sage Publications.
- Institut Wasatiyyah Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, *Apa Sebenarnya Wasatiyyah*. <http://www.iwm.jpm.my/iwm/content/soalan-lazim>. 6Jun2017.
- K. Krippendorff, Content analysis. *An introduction to its methodology*, third ed., SAGE Publication, 2013.
- M. Altaweel, C. Bone. 2012. Applying content analysis for investigating the reporting of water issues, *Journal of Computers, Environment and Urban Systems* 36(6) 599– 613.
- M. Gangoells, M. Casals, S. Gassó, N. Forcada, X. Roca, A. Fuertes. 2011. *Assessing concerns of interested parties when predicting the significance of environmental impacts related to the construction process of residential buildings*, *Building and Environment* 46(5) (2011) 1023–1037.
- M. N. Rashidi et. Al. 2014. Pelaksanaan Analisis Kandungan Sebagai Metodologi Kajian bagi Mengenalpasti Kriteria Pembinaan Lestari (Implementation of Content Analysis as Research Methodology for Identifying Criteria for Sustainable Construction). *Journal of Advanced Research Design* ISSN (online): 2289-7984 | Vol. 1, No.1. Pages 18-27.
- Mohamad Fauzan Noordin. 2016. *ICT dan Islam*, PTS Akademia & IIUM Press.
- V.J. Duriau, R.K. Reger, M.D. Pfarrer,. 2007. A Content Analysis of the content Analysis literature in organization studies: Research themes, data sources, and methodological refinements, *Journal of Organizational Research Methods* 10(1) 5–34.
- \_\_\_\_\_, <https://en.oxforddictionaries.com/definition/us/duality>.
- \_\_\_\_\_, <https://www.vocabulary.com/dictionary/duality>